



APLIKASI TEKNOLOGI DIGITAL DALAM MENINGKATKAN REGULASI KENDIRI GURU PENDIDIKAN ISLAM

THE APPLICATION OF DIGITAL TECHNOLOGY IN ENHANCING SELF-REGULATION AMONG ISLAMIC EDUCATION TEACHERS

Wan Suhana binti Wan Mohammad¹ & Hafizhah Zulkifli¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Dalam era globalisasi, aplikasi teknologi digital memainkan peranan penting kerana ia boleh mendatangkan kesan sama ada kesan positif atau negatif kepada pengguna. Kertas konsep ini bertujuan mengenal pasti aplikasi teknologi digital masa kini yang boleh meningkatkan regulasi sendiri guru pendidikan Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif induktif dengan membuat semakan literatur secara kritikal dan membincangkan konsep aplikasi digital, regulasi sendiri dalam pembelajaran serta kepentingan teknologi sendiri kepada guru pendidikan Islam dalam meningkatkan regulasi diri. Hasil tinjauan literatur menunjukkan pendekatan teknologi yang digunakan oleh guru pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran dapat menjadikan mereka kreatif dalam menarik minat murid untuk terus belajar. Kreatif dan inovatif seorang guru pendidikan Islam bergantung kepada keupayaan dan keinginan mereka untuk menambah ilmu pengetahuan berkaitan dengan aplikasi teknologi digital. Hal ini kerana jika guru pendidikan Islam masih berada di takuk lama dan tidak berminat terhadap aplikasi teknologi digital, maka ia akan memberi kesan yang tidak baik di dalam peningkatan regulasi sendiri.

Kata Kunci: Aplikasi teknologi digital, regulasi sendiri, guru pendidikan Islam

Abstract

In the era of globalization, the application of digital technology plays a crucial role, as it can have either positive or negative impacts on users. This concept paper aims to identify current digital technology applications that can enhance self-regulation among Islamic education teachers. This study employs an inductive qualitative approach by conducting a critical literature review and discussing the concepts of digital applications, self-regulation in learning, and the significance of self-directed technology for Islamic education teachers in improving their self-regulation. The literature review findings indicate that the technological approaches employed by Islamic education teachers in teaching and learning can enhance their creativity in engaging students and sustaining their interest in learning. The creativity and innovativeness of an Islamic education teacher depend on their ability and

Perkembangan Artikel

Diterima: 28 Mac 2025

Disemak: 7 April 2025

Diterbit: 28 April 2025

*Corresponding Author: Wan
Suhana binti Wan Mohammad,
Fakulti Pendidikan, Universiti
Kebangsaan Malaysia

Email:

P130308@siswa.ukm.edu.my

willingness to acquire knowledge related to digital technology applications. This is because if Islamic education teachers remain stagnant and show little interest in digital technology, it may negatively affect the improvement of their self-regulation.

Keywords: *Digital technology applications, self-regulations, Islamic education teacher*

PENGENALAN

Sejak zaman purba sehinggalah ke zaman serba moden dan canggih ini, manusia daripada pelbagai bangsa dan tamadun telah berjaya mengembangkan dan memajukan bidang teknologi berlandaskan kerohanian dan moral. Jika ditelusuri, teknologi adalah istilah yang sering disalahtafsirkan pengertiannya. Kebanyakannya menganggap teknologi dan sains mempunyai makna yang sama. Anggapan yang diberikan ini tidak tepat kerana jika dikaji teknologi mempunyai maksud yang berbeza dengan sains.

Teknologi maklumat dan komunikasi atau lebih dikenali dengan ICT (*Information and Communication Technology*) adalah teknologi yang sangat diperlukan untuk memproses data. Ia mencakupi aspek yang sangat luas meliputi pelbagai aspek seperti pengurusan, teknologi, pemprosesan maklumat dan sebagainya. Teknologi pada asalnya hanya terbatas kepada benda-benda maujud seperti peralatan atau mesin. Namun sejak kebelakangan ini, teknologi telah berkembang dengan begitu pesat sekali.

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang sangat kompetitif dalam kalangan negara membangun. Bagi sesebuah negara membangun akan mencapai kemajuan kerana dapat melahirkan modal insan yang berdedikasi dan berkomitmen tinggi malah dapat menentukan tingkat masyarakat yang dibina oleh mereka (Noradilah Aziz.et.al.2019)

Menurut Samsilah Roslan (2000), regulasi sendiri adalah kemahiran seseorang murid mengawal dan mengatur sendiri proses pembelajarannya. Regulasi Kendiri didefinisikan sebagai aktiviti belajar yang merangkumi unsur metakognitif, perubahan tingkah laku dan bermotivasi untuk menentukan cara belajar yang sesuai dengan kemahiran dan pengetahuan yang sedia ada untuk mencapai sasaran yang mereka tetapkan sendiri (Zimmerman, 2002). Regulasi sendiri merupakan keupayaan diri seseorang untuk menyusun, menyelia, mengawal, melaksana dan menilai sendiri. Proses pembelajarannya merupakan satu keutamaan di dalam melaksanakan regulasi sendiri.

Guru adalah seorang pendidik dan tenaga pengajar yang menyumbang ilmu kepada anak-anak didik supaya dapat melahirkan generasi yang unggul dan terbilang. Guru Pendidikan Islam adalah tiga perkataan jika dipecahkan satu persatu mempunyai maksud yang berbeza. Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan guru sebagai orang yang mengajar, pendidik dan pengasuh. Al-Ghazali pula mendefinisikan guru adalah sebagai penunjuk ke jalan kebenaran. Manakala guru dalam konsep akademik pula bermaksud seseorang yang menyertai sesuatu institusi bertujuan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajarannya atau seseorang menyampaikan sesuatu untuk orang lain (Hamid Fahmy Zarkasyi. 1990). Ini jelas menunjukkan bahawa guru adalah watak utama dan penting di dalam

pembentukan sahsiah dan akhlak pelajar serta mampu melahirkan generasi yang bijak pandai selari dengan perkembangan semasa iaitu berasaskan aplikasi teknologi digital.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa objektif iaitu mengenal pasti pendekatan aplikasi teknologi digital yang boleh digunakan berserta dengan contoh-contohnya, mengenal pasti regulasi sendiri di dalam pembelajaran dan mengenal pasti peranan teknologi digital kepada guru pendidikan Islam dalam meningkatkan regulasi sendiri.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif induktif dengan membuat semakan literatur secara kritikal dan membincangkan konsep aplikasi digital, regulasi sendiri dalam pembelajaran serta kepentingan teknologi sendiri kepada guru pendidikan Islam dalam meningkatkan regulasi diri.

APLIKASI TEKNOLOGI DIGITAL

Umum mengetahui bahawa negara kita menyambut hari guru setiap 16 Mei. Tema hari guru bagi tahun 2024 telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada 9 Mac yang lalu dengan temanya “Guru Jauhari Digital Aspirasi Negara Madani” yang telah disambut di peringkat kebangsaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah, Kuantan Pahang pada 14 hingga 16 Mei 2024. Tema yang begitu unik kerana terdapat perkataan digital padanya dipilih adalah sebagai menyokong salah satu daripada Tujuh Teras Nadi Keunggulan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu meningkatkan keupayaan pendidikan digital di sekolah bagi memastikan murid dapat menghadapi cabaran dunia digital dengan lebih baik (ipend.my. 2024). Tema atau slogan yang di bawakan adalah “Murid Ceria, Guru Bahagia, Sekolah Bitara dan Negara Sejahtera”



(Sumber : Kementerian Penerangan Malaysia, 2022)

Berdasarkan rajah 1 di atas menunjukkan Tujuh Teras Nadi Keunggulan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang terakhir adalah meningkatkan pendidikan digital di sekolah yang mana selari dengan Dasar Pendidikan Digital iaitu untuk melahirkan generasi yang fasih teknologi. Ini kerana pada masa sekarang, kemahiran teknologi sangat penting dalam pembangunan sesebuah negara.

Justeru, pendekatan aplikasi teknologi yang ingin penulis fokuskan adalah penggunaan Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa) yang mana ia adalah penjenamaan semula bagi platform MOE Digital Learning yang dibangunkan oleh KPM pasca Frog VLE. DELIMa adalah platform tunggal yang menyediakan perkhidmatan kepada sistem pengurusan pembelajaran serta sumber-sumber pembelajaran yang boleh digunakan oleh guru dan para pelajar secara atas talian dan boleh diakses menggunakan akaun Google sedia ada (Nooryanti bt. Abd Jalil. 2021)

Bagi menyahut seruan Education 4.0, pendekatan global di dalam sektor pendidikan untuk menyantuni kebangkitan Revolusi Perindustrian Keempat, KPM menerusi Bahagian Sumber dan Teknologi (BSTP) menerapkan terus unsur inovasi sebagai teras dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pelbagai masalah yang dihadapi oleh guru dan murid dapat diselesaikan dengan platform atas talian ini kerana ia menggalakkan budaya inovatif dari penghasilan bahan, cara mengajar dan belajar sehinggalah mengaplikasikan ilmu.

Sistem DELIMa yang diwujudkan ini telah disokong oleh tiga rakan strategik utamanya iaitu Google, Microsoft dan Apple. Menerusi Google iaitu Google For Education, Microsoft menerusi Microsoft Education dan Apple menerusi Apple Education telah menjalankan pelbagai program untuk pendidikan global sebagai salah satu tanggungjawab sosial korporat mereka kepada pengguna. Mereka


turut menyokong inisiatif terkini KPM dengan menyediakan pelbagai akses khas kepada sistem dan aplikasi-aplikasi pendidikan yang dapat membekalkan pelbagai idea serta modul-modul pembelajaran yang sangat bermanfaat.

Jika dilihat dengan lebih jelas membuktikan bahawa KPM kini lebih terbuka di dalam menggunakan sebarang teknologi pembelajaran dengan penyertaan tiga syarikat gergasi digital terkemuka dunia iaitu Google, Microsoft dan Apple. Google menawarkan pakej G-Suite For Education yang terbukti sebagai satu ekosistem pembelajaran online terbaik berasaskan perkomputeran awan (*cloud computing*). Manakala Microsoft pula menawarkan pelbagai alternatif kepada aplikasi Google dan Apple pula menawarkan sumber pembelajaran berasaskan kreativiti kepada guru dan pelajar.

Terdapat pelbagai aplikasi-aplikasi yang menarik di dalam portal DELIMa KPM ini, antaranya adalah Digital Textbook, Microsoft Office 365, Canva, Padlet, Wolfram Alpha, Kahoot, Google Classroom, Minecraft Education Edition dan banyak lagi yang disediakan secara percuma yang boleh dipelajari dan diselongkari oleh para penggunanya.

REGULASI KENDIRI DALAM PEMBELAJARAN

Pendidikan merupakan satu proses berterusan ke arah melahirkan modal insan yang cemerlang yang melibatkan kognitif, psikomotor dan afektif dalam diri seseorang. Ini sangat bertepatan dengan matlamat kurikulum bersepadu yang telah digubal dalam sistem pendidikan di Malaysia yang memberi penekanan kepada penguasaan ilmu pengetahuan, peningkatan daya intelek dan memiliki pelbagai kemahiran serta ke arah pembinaan akhlak (Marzelah Makhsin. et.al. 2012).



Rajah 2 di atas menunjukkan regulasi sendiri dalam pembelajaran yang meliputi tujuan regulasi sendiri, fasa regulasi sendiri, elemen regulasi sendiri dan teori regulasi sendiri.

Kemahiran yang ada pada diri murid lalu mengatur pembelajarannya dengan sistematik dan berkesan bagi mencapai matlamat utama pembelajarannya merupakan antara pembelajaran regulasi

kendiri (Marina Rabai anak Lee. et.al. 2022). Regulasi sendiri merupakan faktor psikologi yang semakin diberi tumpuan oleh pendidik kerana kemahiran dan kebolehan yang dimiliki pelajar dapat menyokong dalam pembelajaran secara aktif malah memberikan kesan kepada pencapaian akademik pelajar (Pintrich,P,R. 1999). Regulasi sendiri juga merujuk kepada kemahiran yang ada pada individu untuk mengenal pasti keupayaan dalam mendisiplinkan diri dan menguasai ilmu pengetahuan (Pintrich.2000). Konsep ini merangkumi kebolehan dalam pembelajaran dan menguruskan diri secara optimum dalam perhubungan sosial (Pintrich.1997).

Regulasi sendiri di dalam pembelajaran adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pembelajaran sendiri, meningkatkan kefahaman, meningkatkan motivasi, menggalakkan kemandirian, menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah, memupuk sikap terpuji dan berketerampilan diri sendiri, menilai halangan yang mungkin wujud dan melakukan tindakan yang diperlukan, memupuk sikap berdikari yang ada dalam diri agar dapat mencapai hasil pengajaran dan pembelajaran secara elektif dan meningkatkan pencapaian akademik. Regulasi sendiri bukan sahaja berkait dengan belajar tetapi ia juga boleh mengembangkan kemahiran hidup supaya menjadi sangat berguna di sepanjang hayat.

Menurut Zimmerman (2000), beliau menyatakan terdapat tiga fasa yang menentukan kemampuan dalam proses pembelajaran regulasi sendiri iaitu fasa pertama fasa pemikiran, fasa kedua fasa pelaksanaan dan fasa ketiga adalah fasa refleksi sendiri. Manakala pembelajaran regulasi sendiri ini mempunyai tiga fasa pembelajaran yang berbeza iaitu semasa awal pembelajaran, ketika mengalami masalah yang dihadapi semasa pembelajaran dan ketika mengajar orang lain. Proses pembelajaran regulasi sendiri ini mempunyai tujuh elemen iaitu motivasi sendiri, merancang, pengawalan tumpuan, aplikasi strategi pembelajaran, menetapkan matlamat, pemantaun sendiri, penilaian sendiri.

PERBINCANGAN

Malaysia kini sedang memacu ke arah pertumbuhan dalam teknologi digital. Pelbagai agenda dan rancangan berkaitan dengan digital telah atur dan dirancang secara berterusan. Oleh itu, dalam memastikan agenda yang dirancang dapat dilaksanakan, maka Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) yang merupakan salah satu agensi kerajaan di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam memastikan perkembangan ekonomi digital dalam negara berkembang dengan pesat (Noor Hadzlida Ayob. 2021).

Pada tahun 2023, Menteri Pendidikan YB Puan Fadhlina Sidek telah melancarkan Dasar Pendidikan Digital bagi memastikan pendidikan digital diintegrasikan di sekolah sepenuhnya. Bukan sahaja sekolah perlu mengambil manfaat, guru-guru juga memainkan peranan penting dalam teknologi digital dalam pendidikan dan perlu bergerak seiring dengan perkembangan teknologi di zaman yang serba mencabar ini.

Guru pendidikan Islam merupakan pemacu ke arah pembangunan sahsiah pembentukan karamah insaniah. Guru pendidikan Islam berperanan untuk membentuk pendidikan nilai iaitu dengan menerapkan nilai-nilai moral, etika dan tanggungjawab kepada pelajar sekali gus membantu pelajar memahami betapa pentingnya akhlak, sahsiah dan perilaku yang baik. Guru pendidikan Islam juga berperanan sebagai role model atau suri teladan kepada para pelajar dan seterusnya akan dapat

meningkatkan regulasi sendiri guru pendidikan Islam. Penggunaan strategi pembelajaran yang baik dan berkesan akan membantu guru-guru pendidikan Islam meningkatkan teknik pengajaran dan pembelajaran serta dapat mengembangkan potensi guru menjadi guru yang cemerlang dan berwibawa. Lantaran itu, akan dapat melahirkan para pelajar yang kreatif, inovatif dan berdaya saing.

Guru pendidikan Islam adalah sebagai murabbi atau pendidik yang akan membimbing para pelajar menjadi insan kamil dan berakhlak terpuji. Ajuhary (2015) berpendapat bahawa guru Pendidikan Islam perlu memastikan kesinambungan antara kebaikan dalam menyebarkan ilmu pengetahuan dengan mendidik, mempunyai nilai-nilai perwatakan terpuji, ketokohan dan keperibadian yang terbaik dan unggul.

Teknik pengajaran memainkan peranan penting dalam membentuk watak dan perlakuan seseorang guru. Penerapan nilai-nilai murni dan akhlak Rasulullah SAW di dalam diri seorang guru adalah perlu bagi melahirkan seorang pendidik yang bagus iaitu dapat menghindari diri daripada dibelenggu hawa nafsu, sentiasa bersopan santun, cekal hati, tabah serta sangat penyabar di dalam mendidik para pelajar (Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi, 2021).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, teknologi digital sangat penting di dalam era globalisasi yang serba mencabar ini. Aplikasi teknologi digital yang diperkenal perlulah di gunakan oleh guru dan mempraktikkannya kepada para pelajar supaya ia mendapat manfaat dan berguna pada masa akan datang. Pendekatan yang holistik melibatkan semua pihak adalah penting untuk mewujudkan ekosistem pendidikan digital yang berdaya tahan dan berkesan di sekolah. Penggunaan teknologi digital di dalam bidang pendidikan memerlukan usaha yang menyeluruh dan kolaboratif antara semua pihak agar dapat melahirkan persekitaran e-pembelajaran yang inklusif, inovatif dan berkesan supaya ia selari dengan tuntutan era digital.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

- Ajuhary, M.K. A. (2015). Konsep Guru Menurut Islam. Kertas kerja dibentang di International seminar on Tarbiyah (Isot2015). Universiti Islam Negeri Ar-Raniry. Banda Aceh.
- Gerbang digital Putrajaya. 2023. <https://sites.google.com/moe-dl.edu.my/hebatkanputrajaya/pengurusan-delima-2-0/delima-kpm-sebagai-pelantar-pembelajaran-terkini>
- Hamid Fahmy Zarkasyi. (1990). *Pemikiran al-Ghazali Tentang Pendidikan*. Dewan Bahasa dan putaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ipend.my.2024.<https://www.ipendidikan.my/tema-hari-guru-huraian-definisi.html#:~:text=Guru%20Jauhari%20Digital%20Aspirasi%20Negara%20Madani,-Tema%20sambutan%20hari&text=Tema%20yang%20dipilih%20adalah%20untuk,dunia%20digital%20dengan%20lebih%20baik>
- Mardzelah Makhsin, Ab Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh, Mohamad Fadhli Ilias. (2012). Hisbah pembelajaran sendiri dalam pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(1).
- Martina Rabai Anak Lee dan Salleh Amat. (2022). Hubungan efikasi sendiri dengan pembelajaran regulasi sendiri murid sekolah menengah. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities*. Volume7. Issue 3. e001342.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawi. (2021). Peranan guru pendidikan Islam dalam membawa transformasi terhadap mobiliti sosial dalam masyarakat. <https://www.researchgate.net/publication/350430646>
- Nooryanti bt. Abd Jalil. (2021).Portal cikgu. <https://portalcikgu.com/delima-2-0-kpm.html>
- Pintrich,P.R. 1999. The role of motivation in promoting and sustaining self regulated learning. *International Journal of Educational Research*, 31, 459-470.
- Zimmerman, B.J. (2000). Self-efficacy: An Essential Motive to learn. *Comtemporary Educational Psychology*, 25 (1). 82-91.